



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

**PENYELARASAN HARGA KAWALAN MAKSIMUM BAGI BENIH PADI
SAH DI BAWAH INSENTIF BENIH PADI SAH**

PUTRAJAYA, 14 APRIL 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyelaraskan harga kawalan maksimum bagi benih padi sah (BPS) di bawah Insentif Benih Padi Sah bagi **peringkat borong daripada RM54 kepada RM52 per kampil 20 kg manakala di peringkat runcit daripada RM58 kepada RM56 di Semenanjung Malaysia, berkuatkuasa mulai 15 April 2025.**

Penyelarasan harga kawalan maksimum bagi BPS di peringkat borong dan runcit dilaksanakan melalui sesi libat urus yang diadakan oleh KPKM bersama pesawah dan pengeluar setelah mengambil kira pelbagai faktor antaranya kos pengeluaran BPS dan penyelarasan harga rantai belian padi. Keputusan ini adalah sebahagian daripada usaha KPKM untuk menjaga kebajikan pesawah agar mereka mendapat benih padi yang berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan serta memastikan ketersediaan bekalan BPS yang berterusan di pasaran untuk keseimbangan ekosistem industri padi dan beras negara.

Semua pemborong dan peruncit BPS adalah diarah untuk menyelaraskan harga BPS di peringkat jualan masing-masing. Mana-mana pihak yang didapati memanipulasi bekalan dan harga BPS seperti enggan menjual, menyorok bekalan dan mengenakan syarat pembelian atau menjual melebihi harga kawalan maksimum yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan perundangan-perundangan subsidiari di bawahnya.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

14 APRIL 2025